

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat
29 Hari
12 Jam
20 Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

Asri Hamidon, Ralph Marshal dilantik terajui Digital Nasional Bhd - MoF

Oleh Fahmy A Rosli - Mac 1, 2021 @ 10:17pm
fahmy.azril@bh.com.my



ASRI Hamidon (kiri) dan Ralph Marshall.

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan (MoF) mengumumkan pelantikan Ahli Pengurusan Kanan Digital Nasional Berhad (DNB) iaitu sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) bagi pembangunan teknologi 5G.

Dalam satu kenyataan hari ini, MoF menyebut bahawa Ketua Setiausaha Perbadanan, Datuk Asri Hamidon dilantik sebagai pengurus manakala Augustus Ralph Marshall sebagai ketua pegawai eksekutif.

Menurut MoF, ahli-ahli Lembaga Pengarah DNB terdiri daripada Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Yusof Ismail selain Datuk Mohamed Sharil Tarmizi serta Datuk Muthanna Abdullah.

Lantikan itu adalah susulan pengumuman Rangka Tindakan Digital Malaysia, MyDIGITAL oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 18 Februari lalu dan pengumuman oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengenai pelancaran 5G di negara ini.

"Gabungan lantikan profesional dengan penghususan dalam sektor seperti kewangan awam, penguatkuasaan telekomunikasi, teknologi maklumat, telekomunikasi dan perundangan adalah kombinasi kemahiran dan pengalaman yang tepat untuk membina, memiliki dan menguruskan rangkaian 5G Malaysia untuk pelancaran komersial di seluruh negara.

"Ahli pengurusan kanan DNB akan diumumkan pada masa yang terdekat," kata kementerian itu.



- | TERKINI | | PILIHAN PEMBACA |
|---------|---|---|
| 9m | 🕒 | Amah, pemandu VIP didakwa terima vaksin |
| 9m | 🕒 | Bursa Malaysia dibuka tinggi |
| 15m | 🕒 | Ringgit dibuka kukuh berbanding dolar AS |
| 21m | 🕒 | Tiga kawasan di Selangor catat IPU tidak sihat |
| 26m | 🕒 | Azizulhasni, Shah masih |
| 27m | 🕒 | Jamal Yunos mohon maaf |
| 28m | 🕒 | Cheng Hoe gembira De Paula perkuat Harimau Mala |
| 37m | 🕒 | PdP dalam talian perlu diurus secara bijak |



- NASIONAL
Mac 1, 2021 @ 7:35pm
JKJAV perinci takrifan petugas barisan hadapan

- NASIONAL
Mac 1, 2021 @ 2:51pm
Wanita hamil, cuba mengandung layak

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata adalah penting bagi rangkaian 5G dilancarkan segera, secara sistematis dan profesional untuk memacu inisiatif pertumbuhan negara melalui MyDIGITAL bagi memastikan kemajuan sosio-ekonomi dan keterangkuman semua rakyat.

"Kita tidak boleh ketinggalan ketika seluruh dunia pantas menggunakan teknologi seperti kecerdasan buatan, kendaraan pandu sendiri, robotik, Internet of Things atau IoT (Internet Semua Benda), pengkomputeran awan dan 'digital twin' untuk terus mencipta peluang baru bagi pertumbuhan masa hadapan," katanya.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua yang telah dilantik dan secara keseluruhannya adalah gabungan bakat dan pengalaman yang amat sesuai bagi memastikan akses saksama kepada keupayaan 5G untuk rakyat dan perniagaan.

Tengku Zafrul berkata, bagi membantu Malaysia mencapai aspirasi 5G negara, kerajaan juga berharap dapat bekerjasama dengan sektor swasta dalam industri telekomunikasi domestik.

Menerusi fokus DNB kepada pelaburan infrastruktur 5G, pemain sektor swasta dapat menumpukan usaha mereka kepada penyampaian produk dan perkhidmatan yang lebih baik, tanpa dibebani oleh pelaburan yang besar atau perbelanjaan modal yang bertindih dengan kerajaan.

"Ini adalah satu situasi yang memberi manfaat kepada semua pihak, termasuk pengusaha telekomunikasi, perniagaan dan pengguna demi penumpuan ke arah penyediaan 5G menjelang akhir 2021," katanya.

DNB akan menawarkan perkhidmatan 5G melalui model borong yang dirangka untuk memastikan ketelusan dan pelaksanaan yang lebih baik.

Menurut MoF, ini akan diuruskan berlandaskan kerangka tadbir urus yang sesuai, proses tender terbuka bagi pembangunan infrastruktur 5G, serta amalan terbaik global untuk memastikan pengurusan yang mantap.

Semua pemain perkhidmatan telekomunikasi akan mendapat akses terbuka, adil dan setara di dalam mendapatkan perkhidmatan rangkaian 5G secara borong untuk pembangunan perkhidmatan runcit berlandaskan teknologi 5G ini.



NASIONAL

Mac 1, 2021 @ 12:27pm
Tak sakit disuntik vaksin - Ayob Khan



NASIONAL

Mac 1, 2021 @ 11:49am
Saya sihat selepas divaksin - Muhyiddin

TRENDING



NASIONAL

10 minit yang lepas
Amah, pemandu VIP didakwa terima vaksin



NASIONAL

Afiq bawa sebahagian hati saya menghadap Ilahi - Wan Mohd Hafizam



NASIONAL

3 jam yang lepas
Penerima hati pertama, Afiq Ikmal meninggal dunia



KES

5 jam yang lepas
Video tular geledah rumah ikut peruntukan undang-undang - Polis



PASARAN

Mac 1, 2021 @ 12:19pm
Harga emas dijangka tidak stabil dalam tempoh enam bulan